

PERLINDUNGAN TERHADAP ISTERI
TERANIAWA MENURUT ENAKMEN KELUARGA
ISLAM NEGERI KELANTAN 1983

WAN AZHANI BINTI WAN ABDUL RAHIM

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

⑧

PERLINDUNGAN TERHADAP ISTERI
TERANIAWA MENURUT ENAKMEN KELUARGA
ISLAM NEGERI KELANTAN 1983

WAN AZHANI BINTI WAN ABDUL RAHIM

DISERTASI INI ADALAH UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH SARJANA SYARIAH

JABATAN SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARIAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2003

Perpustakaan Universiti Malaya



A511292461

ABSTRACT

Maltreatment on wives is not only a family matter but also a social problem. It is therefore imperative that actions need to be taken to protect the maltreated wives. The Government and Non-Governmental Organizations (NGOs) have established various protection such as temporary shelter, monetary assistance, counseling and legal advice.

The thesis attempts to scrutinize the remedies for the maltreated wives provided in the criminal laws and civil laws in the country including Islamic Family Laws. A special attempt is made to find the protection provided to the maltreated wives within the Kelantan Islamic Family Law Enactment 1983. The enactment is a source of protection especially to the Muslim community in Kelantan such as talak, taklik or fasakh. The procedure to make claims will be made through the Syariah law Civil Procedure Enactment 1984.

Overall, the laws gave the protection needed to maltreated wives, depends on how they exploit it.

ABSTRAK

Penganiayaan terhadap isteri telah menjadi masalah sosial dalam masyarakat sejak sekiān lama. Masyarakat telah semakin sedar bahawa isteri-isteri teraniaya ini perlu diberi perlindungan. Untuk itu, berbagai-bagai bentuk perlindungan telah wujud seperti perlindungan undang-undang dan perlindungan-perlindungan bentuk lain seperti tempat tinggal sementara, bantuan kewangan dan khidmat nasihat yang disediakan oleh pihak kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan.

Perbincangan ini memfokuskan kepada perlindungan undang-undang terhadap isteri teraniaya khasnya yang terdapat di dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983. Enakmen ini adalah antara undang-undang yang boleh melindungi isteri-isteri teraniaya khusus untuk masyarakat Kelantan yang beragama Islam. Di bawah enakmen ini peruntukan yang boleh digunakan ialah talak, takik atau fasakh. Manakala prosedur bagi membuat tuntutan ini menggunakan Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984.

Secara keseluruhan, undang-undang yang ada ini telah memberikan perlindungan sewajarnya untuk isteri-isteri teraniaya. Namun, keberkesanannya bergantung kepada sejauh mana ia dimanfaatkan oleh para isteri teraniaya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin-Nya disertasi ini telah dapat disempurnakan setelah melalui berbagai-bagai halangan dan cabaran.

Penghargaan terutama sekali diucapkan kepada penyelia disertasi ini, Puan Raihanah Haji Abdullah yang banyak memberi buah fikiran dan panduan kepada penulis sepanjang kajian dilakukan.

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Islam dan rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu secara langsung atau tidak langsung. Terima kasih juga kepada Universiti Malaya atas bantuan berbentuk kewangan membiayai penulis untuk kajian ini.

Di luar Universiti Malaya, ucapan terima kasih khasnya kepada pihak pengurusan Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu atas kerjasama dan layanan yang amat baik sepanjang penulis berurus di sana.

Terima kasih juga kepada jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Polis dan Hospital serta pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan seperti Women's Aid Organisation, All Women Action Movement, Pertubuhan Tindakan Wanita Islam, Angkatan Belia Islam Malaysia,

Sisters in Islam, Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan dan lain-lain yang telah memberikan layanan yang baik dan kerjasama menyediakan maklumat yang diperlukan. Begitu juga kepada kakitangan semua perpustakaan yang dikunjungi yang memberikan bantuan. Penghargaan juga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung membantu penulis menyempurnakan penulisan ini.

Terima kasih juga kepada ma (Wan Kamariah Wan Yaacob), ayah (Wan Yusof Wan Idris), adik-adik (Wan Azhan, Wan Adlan dan Wan Ahmad), suami (Ir. Mohd Normarzuki Yaacob) dan anak-anak (Luqman Al-Hakim dan ‘Adli Al-Wafi) yang memahami dan menjadi pendorong utama.

Allah-lah yang membala segala kebaikan dengan kebaikan juga.

· Februari 2003 / Zulhijjah 1423.

DAFTAR ISI

PERLINDUNGAN TERHADAP ISTERI TERANIAYA MENURUT ENAKMEN KELUARGA ISLAM KELANTAN 1983

Kandungan

Halaman Tajuk	
Abstract	i
Abstrak	ii
Penghargaan	iii
Daftar Isi	v
Senarai Carta	ix
Senarai Jadual	x
Senarai Statut	xi
Senarai Kes	xii
Senarai Kependekan	xiv
Transliterasi	xvi
Senarai Lampiran	xix
Pendahuluan	
a. Pendahuluan	xx
b. Latarbelakang	xxi
c. Skop kajian	xxv
d. Objektif Kajian	xxvi
e. Hipotesis	xxvi
f. Kepentingan Kajian	xxvii
g. Metodologi Kajian	xxviii
h. Kajian-Kajian Lepas	xxxi

BAHAGIAN I: LATAR BELAKANG

BAB PERTAMA

KONSEP KEGANASAN RUMAHTANGGA

Pendahuluan	1
1.1 Definisi Keganasan Rumahtangga	1
1.1.1 Penganiayaan Terhadap Pasangan	11
1.1.2 Penganiayaan Terhadap Kanak-Kanak	16
1.1.3 Penganiayaan Orang Tua	21
1.1.4 Penganiayaan Adik Beradik	24

1.3 Sejarah keganasan Rumahtangga	25
1.4 Faktor Keganasan Rumahtangga	29
1.4.1 Lingkaran Ganas	29
1.4.2 Kurang Memahami Agama	31
1.4.3 Tahap Pendidikan	33
1.4.4 Kehamilan	33
1.4.5 Penyalahgunaan Alkohol dan Dadah	34
1.4.6 Sifat Pendera	35
1.4.7 Pengaruh Media	36
1.4.8 Sebab Kemasyarakatan	36
1.5 Kesan Keganasan Rumahtangga	37
Kesimpulan	41

BAB KEDUA

PENGANIAYAAN ISTERI MENURUT PANDANGAN ISLAM

Pendahuluan	43
2.1 Tafsiran Penganiayaan Isteri Menurut al-Quran dan Al-Sunnah	43
2.2 "Memukul Isteri" Berdasarkan Ayat 34 Surah Al-Nisa'	56
2.3 Penganiayaan Isteri Menurut undang-Undang Jenayah Islam	64
Kesimpulan	69

BAHAGIAN II: PERLINDUNGAN TERHADAP ISTERI TERANIAYA

BAB KETIGA

PERUNTUKAN UNTUK ISTERI TERANIAYA DALAM ENAKMEN KELUARGA ISLAM KELANTAN 1983

Pendahuluan	71
3.1 Perceraian Menerusi Tebus Talak (Sek. 35 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983)	74
3.2 Menganiayai Isteri (Sek. 103 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983)	76
3.3 Fasakh (Sek. 38 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983)	81

3.4 Cerai Taklik (Sek. 37 Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983)	83
3.5 Analisis Kes-Kes Tuntutan Isteri Teraniaya Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu	96
Kesimpulan	111

BAB KEEMPAT

PROSEDUR KES-KES ISTERI TERANIAYA DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA BHARU

Pendahuluan	112
4.1 Hak Perundangan Yang Boleh Dituntut dan Prosedur Mengenainya	113
4.1.1 Perintah Tegahan (Injunksi)	113
4.1.2 Permohonan <i>Ex-Parte</i>	117
4.1.3 Pembatalan Kes	119
4.1.4 Rayuan	123
4.2 Perkara-Perkara Sokongan Untuk Dituntut Melibatkan Prosedur Mahkamah	127
4.2.1 Penyata Tuntutan	127
4.2.2 Pendaftaran Kes	128
4.2.3 Prosedur Saksi	130
Kesimpulan	132

BAB KELIMA

PERANAN UNDANG-UNDANG SERTA BADAN-BADAN KERAJAAN DAN BUKAN KERAJAAN TERHADAP PERMASALAHAN ISTERI TERANIAYA

Pendahuluan	133
5.1 Akta Keganasan Rumahtangga 1994	134
5.2 Peruntukan Berkenaan Penganiayaan Isteri Dalam Undang-Undang Lain	138
5.2.1 Akta Undang-Undang Keluarga Islam	138
5.2.2 Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian)1976	151
5.2.3 Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973	153
5.2.4 Kanun Keseksaaan	155
5.2.5 Kanun Acara Jenayah	157

5.3 Reaksi dan Cadangan Berhubung Undang-Undang Bagi Isteri Teraniaya	159
5.4 Peranan Badan-Badan Kerajaan dan Bukan Kerajaan	162
5.4.1 Badan-Badan Kerajaan	163
5.4.1.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	166
5.4.1.2 Bahagian Hal Ehwal Wanita (HAWA)	172
5.4.1.3 Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	172
5.4.1.4 Kementerian Kesihatan	173
5.4.1.5 Jabatan Polis	176
5.4.2 Badan Badan Bukan Kerajaan	177
5.4.2.1 Yayasan Murni	178
5.4.2.2 Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)	181
5.4.2.3 Persatuan Pergerakan Wanita (AWAM)	184
5.4.2.4 Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI)	184
5.4.2.5 Sisters In Islam (SIS)	187
Kesimpulan	188

BAB KEENAM

PENUTUP

6.1 Kesimpulan dan rumusan analisa	189
6.2 Cadangan dan saranan	193

Bibliografi	196
Lampiran	211

SENARAI CARTA

- Carta 1: Carta Aliran Prosedur Kes Penganiayaan Isteri Di Unit
Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah, Jabatan Hal Ehwal
Agama Islam Negeri Kelantan
- Carta 2: Carta Aliran Prosedur Tuntutan Cerai Taklik di Mahkamah Rendah
Syariah Kota Bharu

SENARAI JADUAL

- Jadual 1: Peratus Kes-Kes Yang Dilaporkan Berkenaan Menganiayai Isteri (Sek. 108) Berbanding Kes Jenayah lain Di Unit Penguatkuasaan Undang-Undang Syariah Dari Tahun 1996 hingga 1999.
- Jadual 2: Statistik Bilangan Kes Semua Jenis Tuntutan Cerai Taklik Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dari Ogos 1996 Hingga Mei 2001.
- Jadual 3: Carta Peratus Semua Jenis Tuntutan Cerai Taklik Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dari Ogos 1996 Hingga Mei 2001.
- Jadual 4: Kes Tuntutan Semua Jenis Cerai Taklik Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dari Ogos 1996 Hingga Mei 2001.
- Jadual 5: Bilangan Kes Tuntutan Cerai Kerana Memudaratkan Tubuh Badan Isteri Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dari Ogos 1996 Hingga Mei 2001.
- Jadual 6: Peratus Tuntutan Cerai Kerana Memudaratkan Tubuh Badan Isteri Di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu dari Ogos 1996 Hingga Mei 2001.

SENARAI STATUT

- Akta Memperbaharui Undang-Undang(Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- Akta Perempuan Bersuami 1957
- Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973
- Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983
- Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984
- Kanun Keseksaan
- Kanun Acara Jenayah
- Akta Keganasan Rumah tangga 1994

SENARAI KES

- Amdan lwn. Ghazali*, (1970) JH 122.
- Azizah binti Omar lwn. Ahmad bin Husin*, Kes Taklik No. 66/95.
- Azizon binti Abdullah lwn Suhaimi bin Mohd. Noor*, Kes Taklik No. 190/98.
- Che Bidah binti Che Pa lwn Mat Hasan Jusoh*, Kes Taklik No. 22/95.
- Hasnah lwn Borhan al-Din*, 1 (1987) 6 JH 118.
- Laily binti Mohd. Ludin lwn Md Yusof bin Abdul Kadir*, Kes Taklik No. 62/99.
- Mek binti Yusoff lwn Mohamed Nor bin Mohamad*, Kes Taklik No. 128/95
- Nik Jamilah binti Nik Mat lwn Kamaruddin bin Abdullah*, Kes Taklik No. 50/96.
- Pendakwaraya lwn Harun bin Mihat*, Kes Jenayah Bil. 48/91 (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan).
- Pendakwaraya lwn. Mahmod bin Hitam*, Kes Jenayah Bil. 141/93 (Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan).
- Rakhmas binti Yunus lwn. Mohd. Adnan bin Ngah*, Kes Mal No. 29/95 (Mahkamah Syariah Terengganu).
- Rohimah binti Hassan lwn Otsman Ali bin Abdul Rahman*, Kes Taklik No. 71/96.
- Rozilawati Yaacob lwn Nazri Mat Seman*, Kes Mal No. 238/90.
- Salwani binti Abdullah lwn Wan Razali bin Ibrahim*, Kes Taklik No. 48/89.
- Sawiyah binti Che Kob lwn Ab. Aziz bin Yaacob*, Kes Taklik No. 97/89.
- Shakiah binti Mohd. Daud lwn. Tuan Mustapha bin Tuan Man*, Kes Taklik No. 70/94
- Suaini binti Alias lwn Zulkifli bin Abdul Hamid*, Kes Taklik No. 134/94
- Tuan Asmurni binti Mat lwn Mohd. Sufian Yaakub*, Kes Taklik No. 79/95
- Wan Zarina binti Yusof lwn. Mohd. Fahdzi bin Mat Yusoff*, Kes Taklik No. 44/96

SENARAI KEPENDEKAN

BAHEIS	-	Bahagian Hal Ehwal Islam
bil.	-	bilangan
c.	-	cetakan
CLR	-	Criminal Law Report
DBP	-	Dewan Bahasa Dan Pustaka
Dr.	-	doktor
ed.	-	editor/edisi
et. al.	-	et alii(dan lain-lain)
h.	-	halaman
ibid.	-	ibidem(pada tempat yang sama)
j.	-	Jilid
lwn.	-	lawan
MCL	-	Master of Comparative Law
m.s.	-	muka surat
NGO	-	Non-Government Organisation
no.	-	nombor
Nov.	-	November
op.cit.	-	opera citato (dalam karya yang dirujuk sebelum)
Prof.	-	Profesor
t.t	-	tanpa tarikh
T.T.P.	-	Tanpa Tempat Penerbit
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia

vol.	-	volume
JH	-	Jurnal Hukum
YM	-	Yang Menuntut
YKT	-	Yang Kena Tuntut
T.P.	-	Tanpa Pengarang
Sek.	-	Seksyen
Y.A.	-	Yang Arif
Y.A.A.	-	Yang Amat Arif

TRANSLITERASI

Transliterasi huruf Arab ke huruf Rumi dalam penulisan ini menggunakan Pedoman

Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

1. Konsonan

Huruf Arab Huruf Rumi

أ a

ب b

ت t

ث th

ج j

ح h

خ kh

د d

ذ z

ر r

ز z

س s

ش sy

ص §

ض ڏ

ط ڙ

ظ ڙ

ع ڻ

غ gh

ف f

ق q

ك k

ل l

م m

ن n

و w

ه h

ء ڻ

ي y

ة t

2. Vokal

Dalam sistem vokal Arab ada vokal pendek, ada vokal panjang dan ada diftong.

a. Pendek

<u>ـ</u>	(fathah)	a
<u>ـ</u>	(kasrah)	i
<u>ـ</u>	(dammah)	u

b. Panjang

ـ ā

ـ ū

ـ ī

c. Diftong

ـى ay

ـو aw

ـي iy/i

ـوـوـوـ uww

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1: Contoh Maklumat Kepada Penyelia Agama.
- Lampiran 2: Contoh Sumpah *Istizhar*.
- Lampiran 3: Salinan Contoh Surat Nikah dan Surat Taklik.
- Lampiran 4: Salinan Contoh Laporan Polis
- Lampiran 5: Dokumen Perubatan
- Lampiran 6: Contoh Gambar Yang Dijadikan Bukti
- Lampiran 7: Salinan Contoh Penyata Tuntutan.
- Lampiran 8: Contoh Perintah Tegahan Dari Mahkamah Syariah.
- Lampiran 9: Contoh Perintah Perlindungan Interim Semasa Menunggu Penyiasatan
- Lampiran 10: Contoh Surat Permohonan Perlindungan Interim dan Surat Sokongan Daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- Lampiran 11: Borang 35 – Notis Rayuan.
- Lampiran 12: Borang 36 – Notis Rekod Rayuan Telah Siap.
- Lampiran 13: Contoh Salinan Buku Musykil Ibil bagi kes rayuan.
- Lampiran 14: Cadangan WAO Untuk Mempertingkatkan Keberkesanan Akta Keganasan Rumahtangga 1996.
- Lampiran 15: Sek.240-245 Enakmen Acara Sivil Syariah Kelantan 1984.

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

Pendahuluan

Tajuk kajian ini ialah *Perlindungan Terhadap Isteri Teraniaya Menurut Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983*. Kajian ini adalah berkaitan dengan penganiayaan isteri dan perlindungan yang ada khasnya dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 dan umumnya di negara ini, terutamanya dalam bentuk undang-undang dan kemudahan yang ada melalui badan-badan kerajaan sendiri dan juga badan-badan bukan kerajaan.

Kajian yang mengandungi enam bab ini terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama, bahagian latarbelakang yang mengandungi bab pertama dan bab kedua. Bab pertama ialah konsep keganasan rumahtangga yang merangkumkan latarbelakang penganiayaan isteri secara umum dan bab kedua, pandangan Islam tentang penganiayaan isteri yang disaring daripada al-Quran, Al-Sunnah dan kitab-kitab fiqh serta undang-undang jenayah Islam.

Bahagian kedua terdiri daripada bab-bab ketiga, keempat dan kelima. Ia merupakan intipati kajian iaitu berkenaan perlindungan terhadap isteri teraniaya. Bahagian ini mengandungi perbincangan tentang (1) peruntukan yang ada dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 yang boleh membantu melindungi isteri-isteri teraniaya, (2) beberapa prosedur yang sering digunakan oleh isteri-isteri teraniaya bagi memohon pembelaan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu (3) perlindungan yang ada dalam undang-undang di Malaysia terhadap isteri-isteri

teraniaya serta perlindungan dalam bentuk sosial lain yang disediakan oleh badan-badan kerajaan dan bukan kerajaan. Manakala di hujung bahagian kedua ini adalah kesimpulan perbincangan secara keseluruhan dan saranan yang timbul hasil dari kajian ini.

Latarbelakang Kajian

Keganasan dalam keluarga secara umumnya dan penganiayaan isteri secara khasnya merupakan antara masalah sosial yang menjaskankan keharmonian dalam sesebuah keluarga secara langsung, dan masyarakat serta negara secara tidak langsung.

Isu penganiayaan isteri pada hakikatnya telah lama wujud dalam masyarakat manusia. Namun, berbanding sejarahnya yang telah lama, ia masih boleh dianggap baru dibincangkan secara terbuka dan diberi perlindungan dalam masyarakat.

Di Malaysia ia mula diketengahkan dan mendapat perhatian pada awal 1980an¹. Pada waktu itu gerakan aktif menyuarakan pendapat dan desakan mereka agar isu ini diberi perhatian serius terutamanya dari segi undang-undang dan pembelaan serta perlindungan terhadap kebajikan mangsa keganasan rumah tangga, termasuklah penganiayaan isteri. Antara pertubuhan bukan kerajaan yang lantang

¹ Abu Bakar bin Wahid (1981), "Kezaliman Terhadap Isteri dan Anak" dalam *Seminar Wanita dan Undang-Undang*, Kuala Lumpur, 22-26 Ogos 1981. Juga: Yut Lin Wong (1985), "Women Battering In Malaysia" dalam *Workshop on Aspects of the Legal Status of Women in Malaysia*, 29-30 Jun 1985.

bersuara mengenai isu ini ialah Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO)² yang memegang falsafah tiada sesiapa patut dianiyai.

Perbincangan dalam disertasi ini meliputi penganiayaan isteri dari sudut konsep, definisi, faktor-faktor penyebab dan kesan, jenis-jenis penganiayaan isteri, pandangan Islam dari sumber al-Quran dan al-Sunnah serta undang-undang jenayahnya, peranan badan-badan kerajaan serta bukan kerajaan dan undang-undang mengenainya. Seterusnya tumpuan khusus kepada peruntukan yang terdapat di dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 sebagai contoh untuk melihat sejauh mana ia dimanfaatkan oleh isteri teraniaya dan peranannya sebagai undang-undang dapat membantu mereka mendapat perlindungan serta beberapa prosedur pengendalian kes berkenaan.

Keganasan rumah tangga umumnya ialah sebarang perbuatan atau pengabaian sengaja yang mendatangkan kesan negatif oleh seorang ahli keluarga terhadap fizikal, emosi, seksual atau harta benda seorang lain dalam sebuah keluarga. Manakala penganiayaan isteri pula ialah perbuatan yang sama yang dilakukan oleh seorang suami terhadap isteri atau bekas isterinya. Faktor-faktor yang biasanya menjadi penyebab penganiayaan isteri ialah cemburu, masalah kewangan, ketagihan arak dan dadah serta tekanan mental. Penganiayaan isteri juga mendatangkan kesan terhadap fizikal, emosi, psikologi, sosial dan ekonomi, bukan sahaja kepada mangsa, tetapi juga pelaku sendiri dan mereka yang berada di sekitarnya terutama anak-anak.

² Ditubuhkan pada Jun 1982.

Isteri-isteri teraniaya tidak dibiarkan begitu sahaja tanpa pembelaan. Langkah-langkah pencegahan dan penyelesaian telah diusahakan oleh pihak kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan. Kerajaan mempunyai beberapa agensi yang bertanggungjawab terhadap permasalahan penganiayaan isteri seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, hospital-hospital di bawah Kementerian Kesihatan, Jabatan Polis, Jabatan Kehakiman dan Perundangan, Biro Bantuan Guaman dan Kementerian Pendidikan.

Badan kerajaan ini disokong oleh badan-badan bukan kerajaan seperti Women's Aid Organisation (WAO), All Women's Action Movement (AWAM), Pertubuhan Tindakan Wanita Islam (PERTIWI) dan Yayasan Pembangunan Wanita Murni Kelantan (Yayasan Murni) yang menyediakan pusat-pusat perlindungan sementara, khidmat nasihat guaman serta kaunseling.

Selain itu, undang-undang yang ada juga, merupakan satu bentuk perlindungan kepada mangsa, disamping menjadi satu bentuk 'pencegahan' kepada mereka yang melakukan penganiayaan. Penguatkuasaan undang-undang khusus seperti Akta Keganasan Rumahtangga 1994 turut menjadi asas yang kuat untuk pembelaan terhadap mangsa penganiayaan, termasuk penganiayaan isteri. Undang-undang lain yang berkaitan yang boleh digunakan oleh isteri-isteri teraniaya untuk membawa suaminya ke muka pengadilan ialah Akta Memperbaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian)1976, Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973, Kanun Keseksaan, Kanun Acara Jenayah, dan termasuk juga Enakmen Keluarga Islam setiap negeri.

Begitu juga, Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 yang dibincangkan secara khusus dalam kajian ini. Enakmen tersebut turut menyediakan beberapa peruntukan yang boleh melindungi isteri teraniaya di negeri ini. Walau bagaimanapun, didapati kecenderungan isteri teraniaya di Kota Bharu di mana kajian dibuat, adalah untuk mendapatkan perceraian dan kebiasaannya mereka memilih untuk menggunakan peruntukan di bawah sek. 37 iaitu taklik.

Secara keseluruhannya, penganiayaan isteri telah mendapat perhatian sewajarnya daripada pihak-pihak bertanggungjawab di Malaysia. Namun demikian beberapa kekurangan masih wujud terutamanya dari segi eksplorasi undang-undang. Juga, penganiayaan isteri masih banyak walaupun setelah beberapa lama langkah-langkah menyelesaikan permasalahan ini giat dijalankan. Tambahan pula jika sikap mangsa sendiri yang mana sebahagiannya seolah-olah tidak serius ketika mengambil tindakan terhadap suami. Misalnya setelah banyak usaha dilakukan oleh pihak-pihak tertentu untuk membantu sama ada dari aspek perundangan atau sosial, mangsa bertindak menarik balik balik tuntutan dengan alas an yang paling kerap diberikan ialah kerana telah berbaik semula atau tidak sanggup melihat suami diheret ke mahkamah.

Oleh yang demikian, usaha berterusan dari semua pihak sama ada kerajaan atau bukan kerajaan adalah perlu, dan penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga akan membantu menangani permasalahan berkaitan wanita khususnya penganiayaan terhadap isteri.

Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada beberapa ruang lingkup perbincangan seperti berikut:

1. Perbincangan menumpukan khusus kepada salah satu jenis keganasan rumah tangga iaitu penganiayaan isteri. Maksudnya perbuatan aninya yang dilakukan oleh suami terhadap isterinya. Jenis-jenis penganiayaan lain turut dibincangkan secara ringkas bagi menunjukkan terdapat kepelbagaiannya bentuk penganiayaan. Sebaliknya perbincangan ini tidak melibatkan keganasan di luar ruang lingkup keluarga seperti keganasan peperangan.
2. Memandangkan tidak banyak pertubuhan bukan kerajaan di Kelantan yang menangani isu penganiayaan isteri, kajian ini turut membincangkan aktiviti beberapa badan kerajaan dan bukan kerajaan di tempat lain berdasarkan peranan aktif yang dimainkan.
3. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Kelantan 1983 dipilih mewakili undang-undang Islam di Malaysia untuk melihat apakah peruntukan-peruntukan yang biasa digunakan oleh isteri-isteri teraniaya (terhad di kawasan Kota Bharu sahaja) untuk mengatasi masalah mereka.
4. Analisis kes-kes tuntutan perceraian kerana penganiayaan adalah berdasarkan kepada 100 buah fail dalam simpanan Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu yang diambil secara rambang dari tahun 1996 - 2001.

Objektif Kajian

Beberapa objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Melihat peruntukan yang ada dalam Enakmen Keluarga Islam Kelantan 1983 yang boleh digunakan sebagai perlindungan oleh isteri-isteri teraniaya serta melihat dengan lebih dekat kes-kes sebenar tuntutan cerai menggunakan alasan penganiayaan di Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu.
2. Melihat sejauhmana peruntukan dan perlindungan yang ada dalam undang-undang yang telah dikanunkan di Malaysia berkenaan penganiayaan isteri.

Hipotesis

Permasalahan penganiayaan isteri adalah antara permasalahan sosial yang sering mendapat perhatian. Ia merupakan salah satu bentuk keganasan rumah tangga yang popular di samping penganiayaan kanak-kanak. Terdapat beberapa bentuk perlindungan terhadap isteri teraniaya sama ada dari sudut sosial dan undang-undang. Pihak kerajaan sendiri menyediakan bantuan kemanusiaan disamping menggalakkan beberapa undang-undang bagi melindungi wanita amnya daripada terus menjadi mangsa penganiayaan seperti Undang-Undang Keluarga Islam, Akta Perlindungan Gadis dan Wanita 1973 dan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994. Di samping itu

pihak bukan kerajaan turut memperjuangkan hak isteri teraniaya di samping menyediakan bantuan dan perlindungan kepada mereka.

Antara Undang-Undang Keluarga Islam yang ada ialah Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983. Enakmen ini turut memperuntukkan perlindungan kepada isteri teraniaya walaupun ada di antara peruntukannya mempunyai prosedur yang rumit seperti fasakh. Kebanyakan isteri yang menjadi mangsa penganiayaan mengemukakan tuntutan taklik menyakiti tubuh badan kerana biasanya perbicaraan tuntutan ini lebih mudah.

Kepentingan Kajian

Memandangkan penganiayaan isteri masih sering di dapati di media massa dan diperbincangkan, kajian ini cuba membantu mencari kaedah penyelesaian yang ada di dalam undang-undang bagi mengatasi masalah penganiayaan isteri yang tidak sepatutnya terjadi dalam masyarakat yang bertamadun dan berpendidikan.

Kajian ini adalah untuk memperlihatkan bahawa undang-undang mampu bertindak sebagai perlindungan terhadap isteri-isteri teraniaya. Contohnya Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983 memperuntukkan beberapa seksyen yang boleh dituntut oleh isteri-isteri teraniaya di mahkamah untuk berpisah dengan suami atas alasan dianiaya.

Selain daripada itu, kajian ini juga mengenalpasti perlindungan selain daripada undang-undang yang disediakan oleh kerajaan dan badan bukan kerajaan terhadap isteri-isteri teraniaya.

Metodologi Kajian

Secara umumnya metodologi kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu metod pengumpulan data dan metod penganalisaan data.

1. Metod Pengumpulan Data

a. Kajian Perpustakaan

Kajian perpustakaan dilakukan terhadap penulisan-penulisan lepas sama ada dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeri atau Bahasa Arab. Bahan rujukan berkaitan dengan kajian diperolehi melalui buku-buku, ensiklopedia, akhbar, majalah, jurnal,kajian-kajian ilmiah yang lepas, risalah, kertas-kertas persidangan dan statut.Kajian perpustakaan dilakukan terutamanya untuk bab pertama, kedua dan ketiga.

Antara perpustakaan yang digunakan untuk tujuan mendapatkan bahan-bahan rujukan ini ialah Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Zaaba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur dan

cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Perpustakaan Lembahga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara dan Perpustakaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kuala Lumpur.

b. Kajian Lapangan

Kajian luar dijalankan dengan hadir sendiri ke tempat-tempat kajian seperti hospital, mahkamah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat sama ada untuk temubual, dokumentasi atau observasi. Temubual dibuat untuk menambah dan mengukuhkan lagi data yang didapati dari sumber perpustakaan dan kajian lapangan. Contohnya temubual yang dibuat terhadap beberapa individu seperti Dr. Abu Hassan Asaari dari Hospital Kuala Lumpur, Datin Fawziah Begum Mohd Abu Bakar dari Jabatan Kebajikan Masyarakat, Ustazah Zawanah Mohamed dari Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Y.A. Haji Wan Yahya Wan Mamat, Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Ustaz Abu Bakar Abdullah Kutty, Ketua Pendakwa Syarie, Haji Zaki Zainal Abidin, peguam syarie dan Puan Lin Zainun binti Che Mahmood, Pengasas Yayasan Murni.

Metod dokumentasi pula digunakan untuk mengumpulkan data berbentuk dokumen seperti statistik, profil pertubuhan, fail-fail kes yang telah selesai dibicarakan di mahkamah serta rekod aduan kaunseling daripada beberapa badan seperti Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kelantan, Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO) dan Yayasan Murni. Manakala

observasi di lakukan dengan berada di pejabat mahkamah selama beberapa hari untuk melihat bagaimana proses pendaftaran kes dilakukan dan menghadiri perbicaraan berkaitan tuntutan melibatkan penganiayaan isteri.

2. Metod Penganalisaan Data

Dalam menganalisa data dan maklumat yang diperolehi penulis telah menggunakan metod induktif, metod deduktif dan metod komparatif.

Metod Induktif ialah cara mengemukakan data yang bersifat khusus untuk membuat kesimpulan bersifat umum. Metod ini digunakan dalam bab pertama untuk membuat kesimpulan terhadap definisi keganasan rumahtangga di mana beberapa definisi khusus keganasan rumahtangga disimpulkan menjadi satu definisi yang lebih umum.

Metod Deduktif pula bermaksud membuat kenyataan khusus atau kesimpulan kepada sesuatu permasalahan berdasarkan pengkajian terhadap data-data bersifat umum. Misalnya kesimpulan yang dibuat terhadap data-data mengenai peranan Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam menjalankan langkah-langkah penyelesaian terhadap permasalahan keganasan rumahtangga khasnya penganiayaan isteri.

Manakala Metod Komparatif pula ialah membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap maklumat-maklumat yang diperolehi semasa

kajian dilakukan. Sebagai contoh metod ini digunakan untuk melihat perbandingan enakmen-enakmen negeri-negeri mengenai taklik dan analisa terhadap peruntukan berkenaan. Metod ini juga digunakan bagi melihat perbezaan keberkesanan undang-undang sebelum dan selepas Akta Keganasan Rumahtangga 1994 dari segi kesedaran masyarakat.

Kajian-Kajian Lepas

Terdapat banyak kajian berkaitan penganiayaan isteri yang telah dibuat sebelum ini. Di Malaysia, penganiayaan isteri mula mendapat perhatian sekitar awal 1980an, seiring dengan keganasan rumahtangga. Setelah itu, barulah penulisan-penulisan secara khusus mengenainya dihasilkan. Kebanyakan penulisan mengkhususkan kepada satu jenis keganasan sahaja seperti penganiayaan isteri dan penganiayaan kanak-kanak. Contohnya *Penderaan dan Pengabaian Kanak-Kanak* oleh *Kasmini Kassim* (1992), *Penganiayaan Kanak-Kanak* oleh *Atikah Ghazali* dan *Fawziah Mohammad* (1998) dan *Penganiayaan Terhadap Wanita dan Hak-Hak Perlindungan* oleh *Jamal Mohamed Yusof* (1989).

Persoalan penganiayaan isteri juga banyak didapati dalam bentuk kajian ilmiah yang tidak diterbitkan. Tajuk ini begitu popular bermula akhir 1980an dan awal 1990an. Ia dibincangkan di bawah berbagai-bagai perkara, seperti undang-undang dan sosiologi.

Antara penulisan ilmiah berkenaan penganiayaan isteri yang telah dihasilkan ialah *Penganiayaan Terhadap Isteri: Sejauhmana Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan Memberi Perlindungan* oleh Zaenah Suhaili (1995) dan *Penganiayaan Terhadap Isteri-Perlindungan di Bawah Undang-Undang Islam* oleh Sabrina Laila Mohd. Hashim(1991). Kedua-dua tulisan ini memfokuskan kepada perlindungan undang-undang kepada kes-kes penganiayaan isteri. Cuma, tulisan Sabrina Laila lebih umum berbanding tulisan Zaenah yang mengkhususkan kepada perlindungan undang-undang yang terdapat di dalam Akta Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

Selain daripada itu, turut membincangkan permasalahan penganiayaan isteri dalam kajian ilmiahnya ialah Alizeah Ali (1995) dalam tulisan bertajuk *Penderaan Isteri Menurut Perspektif Sosio-Perundangan Islam*, dan Aina Abdul Ghani(1991) dalam tulisan bertajuk *Penganiayaan Isteri di Wilayah Persekutuan dan Selangor-Reaksi Sosial dan Perundangan*. Mereka melihat penganiayaan isteri dari sudut sosial dan perundangan. Manakala kajian ilmiah bertajuk *Penganiayaan Isteri* oleh Suik Wai Cheong (1989) pula lebih menumpukan penganiayaan isteri sebagai satu fenomena sosial dalam masyarakat manusia.

Selain daripada itu , terdapat banyak penulisan berkenaan topik penganiayaan isteri di dalam jurnal-jurnal akademik. Contohnya tulisan Raihanah Haji Abdullah (1997) dalam *Manusia dan Masyarakat* bertajuk *Keganasan Rumahtangga Menurut Undang-Undang dan Masyarakat Islam* dan Rohana Ariffin (1998) dalam *Gender, Budaya dan Masyarakat* bertajuk *Keganasan Terhadap Wanita*.

Keganasan rumah tangga dan penganiayaan isteri turut dibincangkan dalam buku-buku yang ditulis mengenai subjek keluarga yang disentuh dalam bab pecahan atau tajuk utama. Banyak penulisan bentuk buku yang telah dihasilkan adalah dalam Bahasa Inggeris yang berlatarbelakangkan masyarakat Barat. Contohnya *Violence In The Home* oleh M.D.A. Freeman (1978), *Contemporary Families: A Social View* oleh Richard J. Gelles (1995) dan *Violence Within The Family* oleh Sharon D. Herzberger (1996).

Berlainan sekali dengan tulisan-tulisan berbahasa Arab. Hampir kesemuanya tidak ada yang meletakkan penganiayaan isteri sebagai tajuk utama. Penganiayaan isteri adalah termasuk dalam perkara *ahwal syakhsiyah*. Dalam penulisan baru, ia biasanya dibincangkan di dalam tajuk kecil sebagai antara sebab fasakh boleh dituntut, atau dari segi sosial, sebagai perbuatan yang tidak patut dilakukan dalam kehidupan suami isteri. Contohnya, dalam tulisan bertajuk *Niżām al-Usrah fī al-Islām* oleh Muhammad 'Uqlah (1990), *Aḥkām al-Usrah fī al-Islām* oleh Muhammad Muṣṭafā Syalabi (1977) dan *Aḥkām al-Usrah fī al-Fiqh al-Islāmi* oleh Muhammad Nabil Sa'ad al-Syazili (1989).

Manakala dalam penulisan lama, penganiayaan isteri bolehlah difahami sebagai terkandung di dalam maksud memukul isteri. Perbahasan mengenai memukul isteri banyak dibincangkan didalam penulisan fiqh dan juga tafsir al-Quran terutamanya berkenaan ayat 34 Surah al-Nisa'. Misalnya *Muhammad al-Syarbini al-Khaṭīb* (t.t.) membincangkan tentang memukul isteri di dalam tulisannya yang bertajuk *Al-Iqnā'*. Begitu juga terdapat perbincangan tentang maksud memukul isteri

dalam *Fi Zilal al-Quran* tulisan Sayyid Qutb (1971) dan dalam *al-Manār* oleh Sayyid Rasyid Ridā (1984).

Walaupun tidak mempunyai persamaan yang banyak dengan kajian yang dilakukan oleh penulis, penulisan-penulisan terdahulu ini banyak membantu terutamanya dari sudut teori dan definisi.